

Notis Penting

Pembatalan Pindah Kredit Kursus-kursus MPU dan Kokurikulum Berkredit

Mohon perhatian kepada pelajar semasa UNIMAS (Lepasan Diploma Kemasukan Sesi 2017/2018 & Lepasan Asasi UNIMAS Kemasukan Sesi 2016/2017 dan ke atas untuk Program Ijazah Sarjana Muda UNIMAS)

Senat UNIMAS Bil 05/2018 ke 172 pada 19 Julai 2018 telah bersetuju untuk **membatalkan Pindah Kredit** yang telah diberikan untuk kursus-kursus **MPU** dan **Kokurikulum Berkredit** untuk pelajar yang sedang dalam pengajian. Pembatalan ini adalah berdasarkan Surat Makluman Berkenaan Dasar Jaminan Kualiti Melalui Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Bil 1/2011-3/2011 bertarikh 27 Mac 2012 dan Pemakluman berkenaan Penambahbaikan Dasar pindah Kredit bertarikh 19 September 2016 daripada pihak Jabatan Pengajian Tinggi.

Pelajar yang telah bergraduat dan yang akan bergraduat pada tahun 2018 dikecualikan daripada pembatalan ini. Walaubagaimanapun, pelajar yang masih *extend* wajib mendaftar kursus tersebut.

Justeru, semua pelajar terlibat **diwajibkan mendaftar semula kursus** tersebut. Mohon berhubung dengan pihak fakulti/BPPs untuk sebarang pertanyaan.

Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai.

Hjh. Sh Mariawati Wan Kassim
Ketua Penolong Pendaftar
Bahagian Pengajian Prasiswazah (BPPs)
27 Julai 2018
